



**TRANSKRIP TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN JABATAN PERDANA  
MENTERI**

**BERSEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA TKSUK  
JPM BULAN OKTOBER 2019**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2019**

**MASA : 8.30 PAGI**

**TEMPAT : AUDITORIUM PERDANA BLOK B1, KOMPLEKS JPM**

**“KEADILAN SYARIAH MELESTARI NEGARA RAHMAH”**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera,

Terima kasih saudara dan saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Arif (YAA) Dato' Dr. Hj Mohd Naim bin Mokhtar,  
Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman  
Syariah Malaysia (JKSM) dan;

Yang Berbahagia Tuan Abdul Razak bin Mat Nayan,  
Ketua Pendakwa Syarie, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah  
Persekutuan (JAPENS WP),

yang mana kedua-duanya merupakan penganjur bersama  
perhimpunan kita pada hari ini. Sekalung tahniah dan jutaan  
penghargaan diucapkan kepada Yang Amat Arif Dato' Dr dan Tuan,

Seterusnya,

Yang Berusaha Puan Roziah binti Abudin,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) JPM,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

## PENDAHULUAN

1. Pertamanya, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul pada hari ini dalam majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi bulan Oktober 2019 bersamaan bulan Safar 1441H. yang bertemakan **“Syariah Asas Keadilan”**.
2. Terdahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang telah menerima:
  - i. Anugerah Penjawat Cemerlang Bulan Oktober 2019;
  - ii. Anugerah Peminjam Paling Aktif @ Perpustakaan JPM Bulan Oktober 2019;
  - iii. Penyampaian Sijil Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2018;
  - iv. Surat Kenaikan Pangkat; dan
  - v. Sijil Penghargaan kepada yang bersara
3. Semoga anugerah yang diterima ini memberi semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk mengekalkan kecemerlangan

dalam melaksanakan tugas seharian selain juga harapan saya supaya dapat menjadi pendorong kepada warga Jabatan Perdana Menteri yang lain bagi meningkatkan usaha dan kualiti perkhidmatan di Jabatan Perdana Menteri.

4. Kepada Pegawai-pegawai yang bersara, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah diberi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam terutamanya di Jabatan Perdana Menteri. Semoga peninggalan yang baik daripada tuan-tuan dan puan-puan menjadi jariah pada catatan amalan tuan-tuan dan puan-puan, dan selamat melayari fasa kehidupan yang baharu selepas ini.
5. Sepertimana yang sering ditekankan oleh saya dalam ucapan-ucapan terdahulu, bahawa membaca adalah titian ilmu. Sehubungan dengan itu, budayakan lah pembacaan bahan-bahan ilmiah melalui apa jua medium dan cara, supaya kita semua dapat keluar daripada kejahilan dan tergolong dalam kalangan mereka-mereka yang berilmu.

## **BELANJAWAN 2020 YANG MENYELURUH DAN INKLUSIF**

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi,

6. Pada 11 Oktober 2019, kita telah sama-sama mendengar pembentangan bajet 2020 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Bertemakan “Kemakmuran Bersama: Menjana Pertumbuhan Inklusif Yang Berkualiti ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi” dengan berpandukan 4 teras utama iaitu:
  - i. Memacu Pertumbuhan Ekonomi Baru Dalam Digital
  - ii. Pelaburan Ke Atas Rakyat : Meningkatkan Keupayaan Modal Insan
  - iii. Mewujudkan masyarakat Bersatu, Inklusif, Dan Saksama
  - iv. Memulihkan Institusi Dan Kewangan Negara
  
7. Belanjawan kali ini juga dilihat tidak mengabaikan kedudukan penjawat awam di mana terdapat beberapa inisiatif dan insentif yang disalurkan kepada Penjawat Awam. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha kerajaan pada hari ini adalah selari dengan usaha pemerkasaan dan penambahbaikan Perkhidmatan Awam.

8. Kenaikan Kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) kepada kumpulan pelaksana sebanyak Ringgit Malaysia (RM) 50 sebulan adalah salah satu yang dapat membantu penjawat awam terutama dalam persekitaran ekonomi yang mencabar pada ketika ini. Manakala penebusan awal gantian cuti rehat (GCR) sebanyak 75 hari untuk penjawat awam yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 15 tahun hendaklah dimanfaatkan sebaiknya oleh Penjawat Awam.
9. Selaras dengan falsafah 3R (*Repair, Replace & Restore*), peruntukan juga telah diberikan sebanyak RM350 juta kepada Bahagian Pengurusan Hartanah untuk membaiki dan menyelenggara kuarters bagi penjawat awam. Semoga peruntukan ini dapat meningkatkan kualiti kehidupan penjawat awam yang menduduki kuarters penjawat awam.
10. Seterusnya bantuan khas sebanyak RM500 dan lain-lain peruntukan mestilah dipastikan penyalurannya secara berhemah dan mengutamakan keperluan dahulu sebelum bermewah-mewahan.
11. Yang disebut sebentar tadi adalah peruntukan yang diberikan kepada penjawat awam bagi Bajet 2020. Insentif-insentif ini

perlu dirancang dan digunakan secara berhemah dengan mengutamakan keperluan terlebih dahulu.

12. Secara keseluruhannya, pesanan saya pada semua untuk sama-sama melihat belanjawan kali ini dalam ruang lingkup yang lebih luas dengan merangkumi semua peringkat taraf hidup masyarakat di Malaysia ini. Belanjawan kali ini mestilah dilihat secara lebih inklusif kepada rakyat dengan menetapkan keseimbangan kepada semua golongan.
13. Melalui bajet ini juga, saya dimaklumkan bahawa JPM telah mendapat peningkatan bajet yang diberikan oleh Kementerian Kewangan. Saya berharap supaya kita berusaha dalam memastikan setiap ringgit dan sen yang diamanahkan kepada kita itu dapat dikendalikan dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan berlakunya pembaziran. Segala peraturan yang berkaitan dengan perolehan kewangan dan perbelanjaan hendaklah dipatuhi serta dilaksanakan dengan penuh amanah dan berintegriti.
14. Kita telah memasuki suku tahun ketiga bagi tahun 2019 dan banyak perkara-perkara yang perlu diambil perhatian. Antaranya adalah Sasaran Kerja Tahunan dan KPI perlu diambil perhatian dan memastikan segala yang disasarkan dapat

dicapai. Begitu juga bagi SKT dan KPI bagi tahun 2020 perlu dilaksanakan akan perancangan dan pelaksanaannya supaya yang dihasilkan bagi tahun 2020 kelak dapat menghasilkan sesuatu yang berkualiti dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan kecemerlangan JPM.

15. Pada penghujung tahun ini juga akan dilaksanakan penutupan akaun. Saya mengharapkan agar kita semua peka akan penutupan akaun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi memastikan semua urusan yang berkaitan dapat dilaksanakan sebelum tarikh penutupan bagi mengelakkan berlakunya isu-isu yang tidak diingini.
16. Saya juga ingin mengingatkan akan perolehan darurat supaya segala yang berkaitan perlu diteliti dan memastikan ia dapat dilaksanakan dengan sempurna.

### **BULAN ZAKAT KEBANGSAAN**

17. Semalam saya telah menghadiri Bulan Zakat Kebangsaan yang telah dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). Jadi, saya ingin menasihatkan semua warga JPM dapat menunaikan tanggungjawab dalam menunaikan zakat masing-masing (bagi yang berkenaan) dan memahami falsafah



zakat itu sendiri dan melihat kesannya kepada penerima iaitu kepada mereka yang memerlukan untuk keluar daripada pembebasan asnaf.

### **KARNIVAL USAHAWAN DESA 2019**

18. Saya juga telah menghadiri Karnival Usahawan Desa 2019 pada Sabtu yang lepas di Putrajaya yang telah menghimpunkan ratusan usahawan-usahawan tempatan dalam pelbagai bidang yang menghasilkan produk-produk. Justeru saya ingin menyeru agar kita semua dapat memberikan sokongan dengan membeli produk tempatan dalam urusan perbelanjaan kita dalam usaha untuk membantu dalam mengurangkan pengaliran wang kita ke luar negara.

### **SAMBUTAN PERAYAAN HARI DEEPAVALI**

19. Sebentar tadi saya telah menyempurnakan gimik hiasan *kolam* yang diletakkan di Lobi Blok B8 sempena Sambutan Perayaan Hari Deepavali. Ini merupakan suatu simbol yang menarik untuk kita hayati bagi meraikan perayaan Deepavali yang akan disambut oleh warga JPM yang meraikannya pada minggu hadapan. Saya ingin menyeru supaya kita mengambil peluang meraikan kepelbagaian yang ada dan saling menghormati

perbezaan budaya yang wujud demi mewujudkan perpaduan dan kesepaduan antara kita.

## **PENUTUP**

20. Pada hari ini kita akan mendengar ceramah yang berkaitan dengan Pengurusan Syariah dari sudut perundangan. Saya harap melalui sesi ini, kita dapat sama-sama mengambil pengetahuan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.
21. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pada pagi ini. Marilah kita bersama-sama menjaga akhlak dan tatasusila sebagai rakyat Malaysia yang memang terkenal dengan masyarakat yang kaya akhlak, baik kaya budaya dan kaya perpaduan. Hindarilah perilaku jenayah sama ada jenayah sivil, mahupun Syariah. Sesungguhnya jenayah itu bukan sahaja membawa padah, jenayah juga memusnahkan sesuatu institusi bahkan boleh menghancurkan negara keseluruhannya.
22. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada warga JPM yang menganut agama hindu. Semoga bertemu lagi pada perhimpunan yang akan

datang. Wabillahittaufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.